

MEMBINA

Keluarga

سكينة



Bagaimana Rasulullah
mengajar cinta dalam
Islam?

Perkahwinan dalam Islam

*"Keluarga sakinah bukan hanya khayalan, namun sesuatu yang nyata dan
bisa diwujudkan dalam kehidupan seharian"*

Membina keluarga
bahagia

Konflik rumah
tangga & kaedah
mengatasinya

Edisi Jun 2019



KATA-KATA EDITOR

Dengan kalam Bismillahirrahmanirrahim

.Assalamualaikum dan salam sejahtera

Bersyukur kita ke hadirat ila. dengan izin dan limpah kurniaNya dapat sekali lagi kita saksikan sebuah penerbitan e-majalah yang menjadi kebanggaan warga Politeknik Port Dickson iaitu majalah Keluarga Sakinah edisi jun 2019. Sekalung penghargaan, penghormatan dan tahniah diberikan kepada penasihat dan ahli jawatan kuasa e-majalah keluarga sakinah 2019 atas berkat usaha dan perkhidmatan yang tidak kenal erti jemu dan penat. Lelah untuk menghasilkan e-majalah ini yang cukup bermakna bagi warga Politeknik Port Dickson. E-majalah ini merupakan satu medium bagi para siswa dan siswa untuk membincangkan isu-isu penting yang menyentuh isu-isu semasa dan masa hadapan social yang melanda. E-majalah juga menjadi tempat serta alat kepada golongan terpelajar atau golongan intelektual menyebarkan pemikiran, idea, fahaman dan pendapat terhadap isu dan permasalahan yang menyelubungi masyarakat pada masa itu menerusi laman sesawang internet.



**PENASIHAT
USTAZ YUSNIZAM**



**KETUA EDITOR
AIMAN ARIF BIN NANI
06DSB16F1022**



**PENOLONG EDITOR
NUR SYAFIQAH FARHANA
BT MOHD SAFLAN
06DSB17F1001**




**IDEA DAN MAKLUMAT
FATIN KHALIDA BT MOHD
DIN
06DSB17F1017**



**WARTAWAN
AIDA SYAKIRAH BT
ROHAIZAD
06DSB16F1012**

,KELUARGA YANG BAHAGIA DIMULAI DENGAN RASA CINTA
,DIBANGUN DENGAN KASIH SAYANG
DIPELIHARA DENGAN KESETIAAN



Surat Ar-Rum Ayat 21

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً
وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.”

ISI KANDUNGAN

**1. PERKAHWINAN DALAM
ISLAM**

**2. KONFLIK DALAM
RUMAHTANGGA DAN CARA
MENGATASI**

**3. MEMBINA KELUARGA
BAHAGIA**

**4. BAGAIMANA RASULULLAH
MENGEJAR CINTA DALAM
ISLAM**

PERKAHWINAN MENURUT ISLAM

Perkahwinan atau nikah menurut bahasa ialah berkumpul dan bercampur. Menurut istilah syarak pula ialah Ijab dan Qabul ('aqad) yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan perempuan yang diucapkan oleh kata-kata yang menunjukkan nikah, menurut peraturan yang ditentukan oleh Islam[1]. Perkataan zawaj digunakan di dalam al-Quran bermaksud pasangan dalam penggunaannya perkataan ini bermaksud perkahwinan Allah s.w.t. menjadikan manusia itu berpasang-pasangan, menghalalkan perkahwinan dan mengharamkan zina.



HUKUM HUKUM PERKAHWINAN DALAM ISLAM

Wajib kepada orang yang mempunyai nafsu yang kuat sehingga boleh menjatuhkan ke lembah maksiat (zina dan sebagainya) sedangkan ia seorang yang mampu. Disini mampu bermaksud ia mampu membayar mahar (mas kahwinan/dower) dan mampu nafkah kepada bakal isterinya.

Sunat kepada orang yang mampu tetapi dapat mengawal nafsunya.

Harus kepada orang yang tidak ada padanya galakan dan bantahan untuk berkahwin dan ini merupakan hukum asal perkahwinan

Makruh kepada orang yang tidak berkemampuan dari segi nafkah batin dan lahir tetapi sekadar tidak memberi kemudahan kepada isteri, sama ada ia kaya atau tiada nafsu yang kuat

Haram kepada orang yang tidak berkemampuan untuk memberi nafkah batin dan lahir dan ia sendiri tidak berkuasa (lemah), tidak punya keinginan berkahwin serta akan menganiaya isteri jika dia berkahwin.



PEMINANGAN

Pertunangan atau bertunang merupakan suatu ikatan janji pihak lelaki dan perempuan untuk melangsungkan perkahwinan mengikut tarikh yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Meminang merupakan adat kebiasaan masyarakat Melayu yang diterima oleh Islam. Peminangan adalah permulaan proses perkahwinan. Hukum peminangan adalah harus dan hendaklah bukan isteri orang, bukan mahram sendiri, tidak dalam idah, dan bukan tunangan orang. Pemberian seperti cincin kepada wanita semasa peminangan merupakan tanda ikatan pertunangan. Apabila berlaku keingkaran yang disebabkan oleh lelaki, pemberian tidak perlu dikembalikan dan jika disebabkan oleh wanita, maka hendaklah dikembalikan, namun persetujuan hendaklah dibuat semasa peminangan dilakukan. Melihat bakal suami dan bakal isteri adalah sunat, kerana tidak mahu penyesalan berlaku setelah berumah tangga. Anggota yang harus dilihat bagi seorang wanita ialah muka dan kedua-dua tangan sahaja.



WAKIL WALI/ QADI

Wakil wali/Qadi adalah orang yang dipertanggungjawabkan oleh institusi Masjid atau jabatan/pusat Islam untuk menerima tuntutan para Wali untuk menikahkan/mengahwinkan bakal isteri dengan bakal suami. Segala urusan perkahwinan, penyediaan aset perkahwinan seperti mas kahwin, barangan hantaran (hadiah), penyediaan tempat berkahwin, jamuan makanan kepada para hadirin dan lain-lain adalah tanggungan pihak suami isteri itu. Qadi hanya perlu memastikan aset-aset itu telah disediakan supaya urusan perkahwinan berjalan lancar. Disamping tanggungjawabnya mengahwinkan suami isteri berjalan dengan sempurna, Qadi perlu menyempurnakan dokumen-dokumen berkaitan perkahwinan seperti sijil perkahwinan dan pengesahan suami isteri di pihak tertinggi seperti jabatan Islam dan jabatan pendaftaran negara. Ini bagi memastikan status resume suami isteri itu sentiasa sulit dan terpelihara. Qadi selalunya dilantik dari kalangan orang-orang alim (yang mempunyai pengetahuan dalam agama Islam dengan luas) seperti Ustaz, Muallim, Mufti, Sheikh ul-Islam dan sebagainya. Qadi juga mesti merupakan seorang lelaki Islam yang sudah merdeka dan akhil baligh.

WALIMATULURUS

Walimatulurus atau kenduri kahwin sunat (seperti majlis santapan makanan) diadakan dan menerima jemputannya adalah wajib (terdapat ulama mengatakan sunat). Ia bertujuan untuk menghebahkan kepada orang ramai mengenai perkahwinan tersebut, mengelakkan sangkaan buruk orang ramai sekiranya terjadi sesuatu perkara dan saudara mara dapat menyaksikan sendiri pernikahan mereka dan mendoakan kebahagiaan rumahtangga mereka. Terdapat beberapa adab dalam walimatulurus seperti dilakukan selepas akad nikah; menjemput jemputan mengikut keutamaan seperti didahulukan saudara-mara, kaum kerabat dari kedua-dua pihak, jiran dan rakan kenalan; bagi pengantin wanita hendaklah mengikut sunah Nabi Muhammad SAW dengan cara bersederhana dan tidak unsur mehah, maksiat dan kemungkaran; dilarang sama sekali berhutang yang membebankan. Dalam menganjurkan agenda berkaitan Walimatulurus, etika berbudaya mengikut adat resam bangsa masing-masing adalah dibolehkan, namun perlu diingat agar penganjurannya perlulah selari dengan apa yang dianjurkan oleh Islam tanpa mempunyai rasa gharar (was-was) dalamnya. Juga tidak mempunyai pengaruh adat berunsur keagamaan dan kepercayaan yang dcedok dari agama lain.



MAHAR

Mahar ialah pemberian yang wajib diberikan oleh lelaki kepada perempuan yang bakal menjadi isterinya. Ia juga disebut sebagai mas kahwin. Hukumnya adalah wajib berdasarkan surah an-Nisa: ayat 4. Jumlah mahar yang wajib dibayar akan ditentukan oleh walinya jika perempuan itu masih kecil, tetapi sudah baligh atau janda boleh ditentukan oleh perempuan itu sendiri. Mahar boleh dibayar dengan pelbagai cara yang mempunyai nilai atau faedah tertentu berdasarkan persetujuan bersama seperti rumah, kebun, mengajar atau membaca al-Quran, mengajar ilmu agama, senaskah kitab al-Quran, sejadah sembahyang, pakaian sembahyang atau sebagainya. Malah ia boleh dibayar secara tunai, bertangguh atau berhutang. Jika mahar berhutang, suami wajib membayarnya setelah melakukan persetubuhan atau persetubuhan secara syubhah atau salah seorang mati. Jika suaminya mati, waris suami wajib membayarnya kepada ahli waris isterinya. Jika diceraikan sebelum bersetubuh, hutang mahar wajib dibayar separuh daripada nilainya kepada bekas isterinya, jika sudah dibayar tetapi belum bersetubuh, maka isteri wajib memulangkan separuh daripadanya. Jika isteri meminta fasakh, mereka belum bersetubuh, dan mahar masih berhutang, suaminya tidak wajib membayarnya. Jika sudah dibayar, bekas isteri wajib memulangkan kesemua jumlah mahar tersebut.



KONFLIK DALAM BERUMAH TANGGA

Setiap individu yang berkahwin mengimpikan satu kehidupan yang bahagia kerana rumahtangga yang bahagia menjadikan penghuni-penghuninya dapat hidup dalam suasana tenang, harmoni dan selesa. Setiap anggota keluarganya saling kasih mengasihi, hormat menghormati dan menjalankan aktiviti-aktiviti rumahtangga dengan penuh kerelaan. Perjalanan hidup sebuah keluarga bahagia didasarkan di atas prinsip saling menjaga dan mengambil berat di antara satu sama lain, sentiasa memberi sokongan semasa menghadapi konflik dan penyelesaian permasalahan. Selain daripada itu, setiap suami isteri dapat meningkatkan lagi potensi diri dan membina hubungan erat dengan orang lain. Di dalam menjalani kehidupan, mereka sentiasa sensitive dengan perubahan serta berupaya menyesuaikan dirinya.

Kebahagiaan hidup sebuah keluarga banyak bergantung kepada persefahaman di dalam menjalankan perhubungan suami isteri. Kegagalan mereka untuk berbuat demikian akan melahirkan ketegangan dan konflik. Oleh itu tidak mustahil jika dikatakan bahawa krisis adalah suatu perkara lumrah di dalam sebuah rumahtangga walau bagaimana harmoni kehidupan rumahtangga tersebut. Keadaan ini hanya boleh dapat diatasi dengan kebijaksanaan suami dan sokongan daripada isteri yang pengasih.





KAEDAH MENGATASI KONFLIK BERUMAH TANGGA

Di dalam sebuah perkahwinan, suami adalah ketua dan pemimpin ke atas semua ahli keluarganya. Hal ini telah disebut dengan jelas oleh Allah SWT di dalam firmannya, yang bermaksud :

"Kaum lelaki adalah pemimpin yang bertanggungjawab ke atas perempuan oleh kerana Allah telah melebihkan kaum lelaki dengan beberapa keistimewaan di atas kaum perempuan dan kaum lelaki membelanjakan sebahagian daripada hartanya."
(Surah An- Nisa : 4)

Sesuai dengan tanggungjawab dan penghormatan yang begitu tinggi diberikan kepada suami maka beliau berkewajipan untuk mencari jalan bagi mengatasi persoalan-persoalan yang timbul di dalam rumahtangganya, termasuklah bila berlaku krisis dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

.Di antara tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh suami ialah :

- a. Suami hendaklah sentiasa sensitif dengan setiap kejadian di dalam rumahtangga.
- b. Suami mesti mengkaji dengan teliti sebab-sebab punca insiden.
- c. Sebab-sebab kejadian.

Setelah tindakan tersebut dilakukan dan ternyata ia berpunca daripada pihak suami sendiri maka suami mesti mengakui kesilapannya sendiri, buat perubahan tingkah laku. Selain daripada itu suami mesti melaksanakan segala tanggungjawab dengan sempurna dan membentuk kepimpinan pada diri suami sendiri. Di samping segala usaha dilakukan suami mesti berdoa dan bertawakal kepada Allah.

Bagaimanapun jika suami mendapati punca masalah adalah daripada faktor luaran suami mesti melakukan tindakan-tindakan berikut :

1. 1. Menasihati isteri supaya hentikan perbuatan.
2. 2. Suami patut ubah keadaan dalam rumahtangga.
3. 3. Adakan sekatan atau kawalan, jika perlu.
4. 4. Suami patut memberi alternatif-alternatif kepada isteri, supaya isteri boleh buat pilihan

i. Jikalau konflik rumahtangga itu berlaku berpunca daripada diri isteri semata-mata bukan dipengaruhi oleh anasir-anasir luaran. Allah SWT telah menggariskan panduan melalui firmannya yang bermaksudnya

"Dan isteri-isteri yang kamu curigai atau bimbang berlaku nusyuznya(derhaka), maka hendaklah kamu (suami) menasihati mereka, dan jika sekiranya mereka berdegil tinggalkan mereka di tempat tidur, dan jika mereka masih berdegil juga pukullah mereka (dengan pukulan yang tidak mencederakan) kemudian jika mereka taat kepada kamu maka janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka dan ingatlah sesungguhnya Allah Maha Tinggi Lagi Maha Besar."
(Surah An-Nisa': 34)



MEMBINA KELUARGA BAHAGIA

Setiap pasangan yang sudah berkahwin dan memiliki cahaya mata menginginkan keluarga yang bahagia. Sebab itu kita sanggup berusaha untuk mengetahui apakah ciri-ciri keluarga bahagia.

Ini agar kita sendiri mampu berusaha untuk membina keluarga bahagia terbabit.

Keluarga bahagia bukanlah sekumpulan orang dewasa dan kanak-kanak yang berkumpul dan tinggal di dalam satu rumah semata-mata.

Keluarga terjalin daripada ikatan kasih sayang yang suci dan anak-anak adalah amanah dari Tuhan.

Membina keluarga umpama membina sebuah rumah. Jika dasarnya kuat, maka kukuhlah rumah tersebut. Begitu juga sebaliknya. Sebab itu kita harus faham tentang ciri-ciri keluarga bahagia sebelum membina keluarga kita sendiri.

Tapi apakah yang dimaksudkan dengan asas dan ciri-ciri keluarga bahagia ini? Sebenarnya, ciri-ciri keluarga bahagia ini hanyalah perkara yang tampak kecil dalam kehidupan harian kita namun, impak jangka masa panjangnya sungguh besar.



Ciri-ciri keluarga bahagia #1: Sembahyang bersama
Sembahyang adalah tiang agama. Terjaga sembahyang kita, maka terjalalah perilaku kita.

Bila kita sentiasa ingat Tuhan (dengan bersembahyang), kita akan takut untuk melakukan perkara yang dilarang agama. Selain itu, bagaimana sembahyang bersama boleh membahagiakan keluarga?

Jadikan waktu sembahyang sebagai waktu bersama keluarga. Sembahyang berjemaah bersama-sama pasangan serta anak-anak dan gunakan waktu ini untuk sama-sama mendoakan kesejahteraan keluarga.



Ciri-ciri keluarga bahagia #2: Sentiasa ingati sifat baik
Jika kita sentiasa mengingati perkara yang baik tentang ahli keluarga kita, kita akan lebih memahami jika salah seorang ahli keluarga mengalami masalah dan menjadi negatif.

Ini akan membuatkan kita lebih prihatin dengan kelakuan ahli keluarga kita.

Prihatin amat penting dalam hubungan kekeluargaan bagi mengukuhkan lagi kasih sayang antara keluarga.



Ciri-ciri keluarga bahagia #3: Makan bersama

Perkara ini nampak remeh, tetapi sebenarnya, waktu makan bersama keluar sangat penting. Ketika ini juga, pastikan gangguan gadget di jauuhkan.

Membaca doa bersama, kemudian bercerita tentang hari masing-masing, merancang aktiviti bersama di meja makan dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Jadikan makan bersama sebagai suatu kebiasaan, setiap ahli keluarga pasti akan rasa kekurangan jika salah seorang tiada.



Ciri-ciri keluarga bahagia #4: Buat kerja rumah bersama
Selain waktu makan bersama, melakukan kerja rumah bersama juga dapat mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Malah dengan bergotong-royong atau melakukan kerja rumah, ia dapat meringankan beban si ibu atau isteri yang telah penat memasak dan menyiapkan kerja rumah yang lain.

Apabila ibu dan bapa bekerjasama menguruskan hal rumah, ini akan menunjukkan contoh yang baik untuk anak-anak. Mereka juga akan melakukan yang sama nanti.

Ciri-ciri keluarga bahagia #5: Keluar bersama keluarga
Aktiviti luar bersama keluarga adalah amat digalakan kerana bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan, malahan dapat meningkatkan kesihatan mental dan fizikal.

Lakukan aktiviti seperti berkelah, beriadah atau bermain bersama. Melakukan aktiviti bersama dapat membina kenangan indah serta menjadikan hubungan kekeluargaan lebih istimewa.



Keluarga merupakan unit asas untuk melahirkan individu-individu yang bermanfaat untuk masyarakat dan kemudiannya buat negara dan umat yang berguna bagi agama Islam. Nabi Muhammad SAW amat mementingkan pernikahan dan mewujudkan sebuah keluarga sehingga Nabi SAW bersabda, mafhumnya "Nikah itu sunnahku, dan sesiapa yang enggan terhadap pernikahan maka dia bukan dari kalangan-ganku". Baginda SAW juga mengatakan bahawa pernikahan itu sebahagian daripada agama. Al-Qur'an turut menyebutkan betapa perkahwinan itu agar menjadi tempat mawaddah dan rahmah, iaitu tempat manusia mendapatkan ketenangan dan kedamaian dalam hidupnya. Begitulah pentingnya institusi rumahtangga yang ditetapkan oleh ajaran Islam agar manusia dapat hidup aman damai dan berkasih sayang.

Namun untuk membina sebuah rumahtangga yang aman damai ia mestilah bermula dengan rumahtangga yang saling mencintai satu sama lain. Ibubapa yang menyintai anak-anaknya. Suami yang menyintai isterinya dan isteri yang menyintai suaminya. Anak-anak yang menyintai dan menghormati orang tuanya dan begitulah yang lainnya. Peribadi-peribadi yang saling menyintai satu sama lain ini akan keluar ke tengah masyarakat sebagai individu yang saling menyintai orang lain juga, yang membawa ketenangan dan kedamaian kepada masyarakat dan kepada semua tempat yang mereka pergi. Adapun mereka yang gagal menemui kebahagiaan dalam rumahtangga, jangan terkejut jika mereka mencari kebahagiaan di luar rumahtangga dan mereka ini kemungkinan akan hanyut dan terlanjur dalam pelbagai aktiviti dan gejala mungkar akibat godaan dan hasutan syaitan demi mencari setitis kebahagiaan. Lanjutan daripada itu, mereka yang tidak bahagian ini yang kemudiannya membina keluarga mereka sendiri terus menerus melanjutkan ketidakbahagiaan itu dalam rumahtangga hingga melahirkan anak-anak yang kemudiannya juga tidak bahagia, mengambil ubat-ubat penenang dan seumpamanya. Lahirlah pencuri, perompak, mereka yang tiada amanah.

Apapun yang mendasari seseorang kecuali niatkan Allah akan berakhirnya. Seorang ibubapa yang mencintai anak-anaknya dengan harapan anak-anaknya akan membantu hidupnya ketika tuanya nanti, maka akhirnya dia akan menemui kekecewaan. Jika isteri menyintai suami kerana mengharapkan suaminya menyintainya sepenuhnya, suatu hari nanti mungkin dia akan menemui kegagalan apabila si suami tidak lagi menyintainya.

Apakah yang dimaksudkan dengan mencintai kerana Allah? Maksudnya ialah kita menyintai seseorang itu samada isteri atau anak-anak adalah kerana mengikut titah perintah Allah SWT agar menyintai mereka ini. Sebagai contoh apabila anak-anak menyintai ibubapa adalah kerana menurut titah perintah Allah SWT agar berbuat baik kepada kedua-dua ibubapa "kami mewasiatkan kepada manusia agar berbuat baik kepada kedua-dua ibubapanya" (surah Luqman, ayat 14), dan mengasihani mereka berdua, mendoakan mereka walaupun mereka itu dalam penuh kezuran, kelemahan, kedhaifan. Cukuplah perintah Allah SWT itu sebagai alasan untuk kita mencintai mereka walau apapun keadaan mereka.

Mencintai keluarga adalah suatu yang diperintahkan oleh Allah SWT apatah lagi anak-anak itu dibesarkan dalam rahim wanita itu sendiri kerana mereka adalah sebahagian daripada dirimu sendiri dulu. Anak-anak itu nanti yang akan mendoakanmu kelak di Alam Barzakh. Kesimpulannya kecintaan kepada kaum keluarga itu merupakan sebahagian daripada tuntutan ajaran Islam agar apabila wujud keluarga yang saling mengasihani satu sama lain akan terbina masyarakat, negara yang saling mencintai satu sama lain.

Maka oleh kerana itu betapa pentingnya kita mencipta cinta kasih dalam rumahtangga. Lantaran itulah Allah SWT berpesan agar jangan menjadi orang yang keras dan tiada cinta kasih dalam keluarga. Ada beberapa cara untuk melahirkan sebuah rumahtangga yang subur cinta kasihnya. Pertama sekali ialah dengan mencintai keluarga kita kerana Allah SWT. Niat ini merupakan perkara pokok dalam ajaran Islam. Imam al-Haddad dalam kitab Al-Nasaih Diniyah menyebut bahawa orang yang niatnya bagus, perbuatannya bagus; manakala orang yang niatnya buruk maka perbuatannya akan buruk walaupun luarannya nampak seakan bagus.

Ada orang yang menyintai orang kerana rupa parasnya, atau hartanya, atau pangkatnya tidak kerana Allah. Menyintai bukan kerana Allah ini akan ada tarikh luputnya kerana rupa paras, harta benda semuanya akan berakhir. Orang yang suatu masa di awal percintaan atau perkahwinan mengungkapkan "aku tidak dapat hidup tanpamu" selang beberapa tahun akan mula mengungkapkan pula "aku tidak dapat denganmu". Itu kerana kecintaan yang bukan didasari dengan cinta tulus kerana Allah lama kelamaan dia akan pudar dan luput. Semuanya selain daripada Allah SWT akan fana' (binasa) begitu jugalah cinta kita kepada makhluk juga akan binasa akhirnya.



CINTA DALAM ISLAM

Bagaimana Rasulullah mengajar cinta dalam Islam? Bercinta dan perasaan cinta mungkin sesuatu yang sukar dielakkan pada zaman ini.

Dengan kemudahan teknologi perhubungan, hampir mustahil pemuda dizaman ini tidak bercinta, walaupun sekurang-kurangnya hanya dengan ber-sms. Kali ini tajuk yang ingin dibincangkan adalah mengenai cinta di dalam Islam. Adakah kita, kaum muda memahami cinta yang dianjurkan di dalam Islam?



PENGETIAN CINTA DALAM ISLAM

Jika tidak, boleh merosakan. Aturan cinta dan kasih sayang ini perlu dipelihara, sehingga boleh terpelihara dan keindahannya selalu terjaga serta menjadi benteng yang kukuh. Contohnya, lihat pada pasangan suami-isteri.

Cinta dan kasih sayang boleh menjadi benteng yang sangat kuat untuk menghadapi cubaan dan ujian dari Allah. Bila kita mampu menjaga kehadiran rasa sayang dan cinta, kita akan memiliki perlindungan yang terbaik untuk menghadapi tentangan besar dan badai kehidupan.

Namun, seringkali manusia tidak mengetahui hikmah yang tersembunyi di balik sebuah cubaan dan ujian. Lebih lagi apabila seorang manusia telah menggunakan egonya.




BAGAIMANA RASULULLAH MENGAJAR CINTA DALAM ISLAM?

Rasul sendiri selalu memberikan kehangatan kepada isteri-isterinya, terutama Aisyah. Beliau selalu bermain serta memuji Aisyah. Sederhana dan mudah dipraktikkan untuk memelihara kehangatan.

Contohnya dengan mengamalkan untuk mencium isteri 3 kali dalam sehari. Tidak perlu sembunyi-sembunyi. Kalau boleh, dihadapan anak-anak agar mereka boleh melihat ibubapanya yang bahagia.

Rasul juga selalu mencontohkan untuk menyampaikan kata-kata yang baik kepada isteri setiap hari seperti, "Kamu cantik sekali hari ini." Rasul mencontohkannya dengan selalu memanggil Aisyah dengan jolokan si "pipi merah".



BAGAIMANA MEMELIHARA DAN MENGELOLA PERASAAN CINTA DAN KASIH SAYANG YANG BAIK TERHADAP PASANGAN?

Biasanya, sebelum berumah tangga, para pemuda & pemudi selalu mendesak dan seakan terdesak untuk segera menikah.

Tetapi, setelah berumah tangga, akan terasa hambar kerana semuanya sudah diketahui dan terbuka.

Impian yang pernah dicita-citakan sebelum bernikah dahulu, seringkali kandas dalam pertikaian, kekerasan dalam rumah tangga, dan perceraian.

Dalam hal ini, ada kegagalan dalam menjaga cinta dan kasih sayang.

HUBUNGAN DENGAN ISTERI

Rasulullah sendiri selalu memberikan kehangatan cinta kepada isteri-isterinya, terutama Aisyah. Beliau selalu bermain serta memuji Aisyah. Sederhana dan mudah dipraktikkan untuk memelihara kehangatan.

Contohnya dengan mengamalkan untuk mencium isteri 3 kali dalam sehari. Tidak perlu sembunyi-sembunyi. Kalau boleh, dihadapan anak-anak agar mereka boleh melihat ibubapanya yang bahagia.

Rasul juga selalu mencontohkan untuk menyampaikan kata-kata yang baik kepada isteri setiap hari seperti, "Kamu cantik sekali hari ini."

Rasul mencontohkannya dengan selalu memanggil Aisyah dengan jolokan si "pipi merah".Ekspresi seperti ini, walaupun nampak mengada-ngada, tetapi ia merupakan doa yang terungkap dari dalam hati. Tidak perlu membelikan alat-alat kecantikan yang mahal agar isteri menjadi semakin cantik dari hari ke hari. Cukup dengan memujinya setiap hari, maka isteri akan kelihatan lebih cantik, meskipun semakin tua dari hari ke hari.

Kerana kecantikan isteri ada di dalam hatinya. Amalan baik ini akan selalu dilihat oleh Allah.

Allah berjanji apabila ada hambanya yang melakukan kebaikan dengan berusaha memelihara kasih sayang dan menjaga cinta sebagai seorang suami kerana Allah, Allah akan semakin mendekatinya.

Bila hambanya mendekati dengan berjalan, Allah akan menjemputnya dengan berlari.



SERING KALAHNYA MANUSIA DALAM UJIAN PERCINTAAN MERUPAKAN KES YANG BIASA MENDERA KAUM MUDA

Padahal, generasi muda sangat diharapkan oleh masyarakat sebagai agen perubahan.

Sangat sayang apabila mereka hilang dalam perjuangan zaman, hanya kerana urusan cinta dan kasih sayang.

Kegagalan menjaga rasa cinta.

Mereka hanya tidak mampu menguruskan fitrah yang sangat mendasar ketika menghadapi ujian kehidupan.

Ketika kaum muda putus cinta, seolah-olah putus segala harapan untuk mendapatkan kasih sayang dari jantung berlawanan.

Padahal tidak.

Kesempatan mereka untuk mendapatkan kasih sayang dalam koridor yang sebenar masih terbuka lebar.

Meskipun begitu, sebaiknya kita mengharapkan cinta dan kasih sayang dari Allah.

Cinta dan kasih sayang tertinggi dan terbaik dibandingkan cinta dan kasih sayang dari





,Lebih baik hidup sederhana tapi bermakna

.dari pada hidup mewah tapi mengorbankan cinta keluarga



A vertical photograph of a sunset. The sky is a deep blue, transitioning to a lighter blue and yellow near the horizon. There are several wispy white clouds scattered across the sky. In the foreground, the silhouettes of trees and bushes are visible against the bright light of the setting sun. The text "Sekian, terima kasih" is written in a white, cursive font across the middle of the image.

Sekian, terima kasih

